



SOALAN LAZIM (FAQ)

A. BUDI INDIVIDU – Pemilik Kenderaan Persendirian Diesel

Pengenalan

1. Apakah itu BUDI Individu?

BUDI Individu merupakan sumbangan tunai Kerajaan lanjutan daripada pelaksanaan program penyasaran subsidi diesel. Kategori ini **khusus untuk individu** daripada golongan bukan T20 yang memiliki kenderaan diesel di Semenanjung Malaysia.

2. Apakah itu MySubsidi Diesel?

MySubsidi Diesel secara asasnya ialah platform untuk **syarikat pengangkutan awam darat dan pengangkutan barangan darat** tertentu di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk mendapatkan kelayakan membeli diesel bersubsidi daripada syarikat minyak yang dipilih pada harga yang lebih rendah berbanding harga pam yang ditetapkan oleh Kerajaan di stesen minyak.

3. Apakah itu Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)?

Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) merupakan **sistem kawalan penggunaan diesel bersubsidi** bagi mengoptimumkan kos kawalan dan penguatkuasaan diesel bersubsidi negara yang diselaras oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Peluasan SKDS telah dilaksanakan secara dalam talian menerusi Sistem MySubsidi Diesel di pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/> mulai 7 Mac 2024.

Permohonan BUDI Individu

4. Bilakah permohonan BUDI Individu akan dibuka?

Permohonan BUDI Individu dibuka sepanjang tahun mulai **28 Mei 2024**.

5. Apakah syarat kelayakan individu untuk memohon BUDI Individu?

Syarat kelayakan untuk memohon BUDI Individu adalah seperti berikut:

a) Pemohon

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100 ribu dan ke bawah*.

b) Kriteria Pemilikan Kenderaan

- a. Kenderaan kegunaan persendirian (diesel) individu;
- b. Lesen Kenderaan Motor (Cukai Jalan) aktif;
- c. Kenderaan diesel diisytiharkan di Semenanjung Malaysia; dan
- d. Berdaftar di JPJ menggunakan nombor MyKad.

c) Kriteria Tambahan Tidak Layak BUDI Individu

- a. Motosikal diesel;
- b. Kenderaan persendirian berdaftar bagi kegunaan syarikat / pertubuhan;
- c. Kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun.
- d. Kenderaan berdaftar sebagai e-hailing;
- e. Jenis kenderaan: Karavan, motorhome, van persiaran, dan bas persiaran

**Nota: Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia boleh membuat semakan ke atas maklumat pendapatan yang telah dikemukakan dan sekiranya perlu, mengeluarkan notis di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas pemohon bagi pengemukaan borang nyata cukai pendapatan.*

6. Bagaimanakah cara untuk menyemak sama ada saya layak untuk menerima bantuan BUDI Individu?

Status kelayakan bagi bantuan BUDI Individu akan dimaklumkan selepas pemohon selesai membuat permohonan melalui portal rasmi BUDI MADANI di <https://budimadani.gov.my>.

Sekiranya tidak diluluskan, dan pemohon memenuhi syarat kelayakan BUDI Individu, pemohon boleh mengemukakan rayuan atau menghubungi pusat panggilan. Rayuan akan dibuka mulai 3 Jun 2024.

7. Bagaimanakah cara untuk memohon BUDI Individu?

Permohonan BUDI Individu adalah terhad secara dalam talian melalui portal rasmi BUDI Individu di <https://budimadani.gov.my> dengan kaedah berikut:

- a. Mendaftar akaun pengguna
- b. Klik pada menu Permohonan Baharu > Pemilikan Kenderaan (Diesel) Individu
- c. Masukkan maklumat pemohon seperti berikut:
 - (1) No. Mykad
 - (2) No. Telefon Bimbit
 - (3) Nama Bank
 - (4) No. Akaun Bank
 - (5) Alamat e-mel
- d. Maklumat Kenderaan Diesel seperti berikut:
 - (1) Nombor Pendaftaran Kenderaan
 - (2) Tarikh Luput Lesen Kenderaan Motor
 - (3) Jenama / Model Kenderaan
 - (4) Kelas Kegunaan Kenderaan

8. Berapa lamakah tempoh proses tersebut sebelum mendapat kelayakan?

Pemohon boleh menyemak status permohonan dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

9. E-mel yang saya daftarkan tidak aktif / tersalah ejaan / salah *domain*. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

Pemohon perlu menghubungi talian Hotline BUDI Madani atau ke lokaliti LHDNM berhampiran untuk tindakan hapus akaun. Setelah akaun pemohon dihapuskan, pemohon boleh mendaftar semula akaun dengan e-mel yang betul. Alamat e-mel perlulah aktif dan tepat kerana verifikasi e-mel akan menggunakan e-mel yang didaftarkan.

10. Saya telah memastikan e-mel yang saya daftarkan adalah tepat tetapi masih tidak dapat pengesahan dari e-mel yang didaftarkan.

Pemohon boleh menyemak e-mel pengesahan tersebut di folder *spam* atau *junk mail* dan pastikan *mailbox* anda tidak penuh dan boleh menerima e-mel pengesahan tersebut.

11. Apa perlu saya lakukan untuk mengenalpasti e-mel yang diberikan adalah tepat?

Ketika pemohon mendaftar emel, pemohon perlu masukkan semula e-mel bagi memastikan e-mel yang hendak didaftarkan adalah e-mel yang tepat.

12. Saya menggunakan telefon bimbit semasa mendaftar, setelah klik pada pautan Pengesahan Pendaftaran BUDI MADANI melalui emel paparan menjadi 'white screen'. Apa yang perlu saya lakukan?

Bagi yang menggunakan peranti Iphone, Android mahupun Huawei, anda boleh merujuk kepada panduan pengguna peranti di laman utama portal Budi Madani.

13. Apakah Browser yang sesuai untuk layari laman web BUDI Madani ini?

Pemohon boleh melayari mana-mana browser iaitu Google Chrome, Microsoft Edge, Safari dan Mozilla Firefox dengan versi yang terkini. Pemohon boleh mencuba melayari *browser* yang berlainan jika salah satu *browser* tersebut tidak memaparkan portal Budi Madani.

Pembayaran BUDI Individu

14. Apakah jenis bantuan yang akan diterima di bawah BUDI Individu?

Permohonan yang diluluskan akan menerima bantuan tunai bulanan sebanyak RM200.

15. Bagaimanakah kaedah pembayaran BUDI Individu ini akan dibuat?

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun yang berdaftar dalam sistem BUDI Individu atau secara tunai di mana-mana Cawangan BSN sekiranya tiada akaun bank.

16. Setelah mendapat kelulusan permohonan, apakah tempoh yang akan diambil untuk menyalurkan bantuan tunai tersebut?

Maklumat lanjut berkenaan penyaluran bantuan akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

17. Bilakah tarikh pembayaran BUDI Individu akan dibuat?

Maklumat lanjut berkenaan penyaluran bantuan akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

18. Apakah kekerapan pembayaran BUDI Individu ini?

Maklumat lanjut berkenaan penyaluran bantuan akan dikemas kini dari semasa ke semasa dan boleh diperolehi dengan menekan butang “Semak Status” pada papan pemuka (*dashboard*) pemohon.

19. Sekiranya saya tidak mempunyai akaun bank apa yang perlu saya lakukan?

Pemohon yang layak namun tidak mempunyai akaun bank boleh ke mana-mana Cawangan BSN untuk menerima pembayaran secara tunai.

20. Sekiranya Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) saya tamat tempoh, adakah pembayaran BUDI Individu masih diteruskan bulan hadapan?

Tidak. Pembayaran BUDI Individu akan terhenti sehingga individu berkenaan memperbaharui Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) dan membuat permohonan semula. Pembayaran akan dibuat semula apabila semakan data agensi menunjukkan Lesen Kenderaan Motor tersebut aktif.

21. Jika saya lewat mendaftar dari tarikh permohonan dibuka, adakah saya menerima bayaran BUDI Individu untuk bulan-bulan sebelumnya?

Tidak. Bayaran BUDI Individu hanya akan dibuat mulai bulan permohonan diluluskan.

Kelayakan BUDI Individu

22. Pendapatan bulanan saya ialah RM5,000 manakala pendapatan bulanan suami/isteri saya ialah RM11,000. Adakah saya layak untuk memohon BUDI Individu?

Tidak layak. Pendapatan pemohon atau pasangan mestilah tidak melebihi RM100,000 setahun atau RM8,333.33 sebulan.

23. Suami/Isteri saya merupakan wakil rakyat di kawasan ABC. Adakah saya layak untuk memohon BUDI Individu sekiranya saya mempunyai kenderaan diesel?

Wakil rakyat dan pasangan tidak layak.

24. Saya mempunyai sebuah karavan/motorhome/van-bas persiaran yang menggunakan diesel. Adakah saya layak untuk memohon BUDI Individu?

Tidak layak. Karavan/motorhome/van-bas persiaran tidak menepati kriteria jenis badan kenderaan diesel persendirian yang layak.

25. Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya permohonan ditolak kerana maklumat pendaftaran kenderaan di JPJ tidak selari dengan kegunaan semasa?

Anda perlu hadir ke kaunter JPJ berhampiran untuk mengemas kini maklumat berkenaan. Anda perlu mengemukakan permohonan baharu dan tindakan semakan semula kelayakan akan dibuat selepas maklumat terkini diterima daripada pihak JPJ.

26. Saya gagal untuk mendaftar bagi program BUDI Individu, di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

Sekiranya gagal mendaftarkan diri atau menerima keputusan berstatus tidak lulus (dan pemohon memenuhi syarat kelayakan BUDI Individu), pemohon digalakkan untuk mengemukakan rayuan atau menghubungi pusat panggilan.

27. Saya memiliki syarikat perdagangan dan telah menerima fleet card melalui program SKDS 1.0. Adakah saya layak memohon BUDI Individu?

Tidak layak sekiranya permohonan BUDI Individu menggunakan maklumat pendaftaran kenderaan yang sama dengan permohonan di SKDS.

Namun, sekiranya pemohon memiliki kenderaan persendirian diesel, anda masih layak untuk memohon di bawah BUDI Individu, tertakluk kepada syarat kelayakan.

28. Saya telah membuat permohonan fleet card melalui program SKDS 2.0, tetapi belum mendapat sebarang kelulusan. Adakah saya boleh membuat permohonan BUDI Individu?

Fleet card adalah bagi kenderaan 33 jenis badan merangkumi 10 badan bagi SKDS 1.0 dan 14 badan bagi SKDS 2.0, manakala permohonan BUDI Individu adalah untuk pemohon pemilik kenderaan persendirian individu. Sekiranya nombor pendaftaran kenderaan berkenaan ditemui dalam rekod SKDS 1.0 atau SKDS 2.0 berdasarkan rekod agensi, anda tidak layak memohon BUDI Individu.

29. Kenderaan saya didaftarkan di Selangor/Semenanjung Malaysia, tetapi Lesen Kenderaan Motor kenderaan tersebut dibayar di Sabah/Sarawak memandangkan saya menggunakannya untuk bekerja dan tinggal di Sabah/Sarawak. Adakah saya layak untuk memohon BUDI Individu?

Tidak layak. Kriteria semasa hanya layak bagi kenderaan yang digunakan dan Lesen Kenderaan Motor dibayar di Semenanjung Malaysia.

30. Saya telah berpindah daripada Sabah ke Selangor dan membawa kenderaan saya yang diisytiharkan di Sabah. Adakah saya layak untuk memohon BUDI Individu?

Anda layak untuk memohon. Namun, memandangkan LKM kenderaan masih didaftarkan di Sabah, pemohon perlu mengemaskini maklumat kenderaan di mana-mana cawangan JPJ terlebih dahulu.

Selepas itu, pemohon digalakkan untuk mengemukakan permohonan baharu (sekiranya belum memohon), atau mengemukakan permohonan rayuan kepada portal BUDI <https://budimadani.gov.my>. Sebarang pertanyaan lanjut, anda boleh hubungi talian bantuan BUDI atau mengemukakan emel kepada budimadani@treasury.gov.my.

31. Saya telah menerima bayaran BUDI Individu pada 8 Julai 2024 yang mengambil kira Lesen Kenderaan Motor (cukai jalan) aktif pada bulan Jun 2024 dan cukai jalan kenderaan saya akan tamat tempoh pada 24 Jun 2024. Adakah saya akan menerima bayaran BUDI Individu bagi pelaksanaan bulan berikutnya?

Tidak. Pembayaran BUDI Individu akan terhenti sehingga individu berkenaan memperbaharui Lesen Kenderaan Motor dan membuat permohonan semula.

32. Sebagai peniaga pasar malam / usahawan kecil yang menggunakan diesel untuk genset, kenapa saya tidak mendapat bantuan?

Buat masa ini, permohonan BUDI Individu melibatkan pemilik kenderaan persendirian individu. Sebarang perkembangan dan penambahbaikan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

33. Pendaftaran saya akan sah sehingga bila?

Buat masa ini, tiada tarikh tamat bagi pendaftaran di portal rasmi BUDI MADANI.

34. Adakah bantuan tunai diesel untuk setiap kenderaan atau setiap individu?

Kelayakan adalah kepada setiap individu yang mempunyai kenderaan layak. Bantuan tunai ini akan disalurkan kepada pemilik kenderaan diesel yang menepati kriteria program BUDI Individu.

35. Jika saya memiliki lebih dari satu kenderaan diesel (persendirian) yang layak, adakah kelayakan saya berdasarkan jumlah kenderaan yang saya miliki?

Tidak. Bantuan tunai BUDI Individu hanya terhad kepada satu pemilik dan kenderaan diesel sahaja.

36. Sekiranya saya layak menerima Budi Individu, adakah saya masih layak untuk menerima Budi Agri-Komoditi?

Ya. Sekiranya anda layak menerima Budi Individu, anda masih layak untuk menerima Budi Agri-Komoditi.

Pertanyaan Lanjut

37. Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung BUDI Individu?

Pertanyaan boleh dipanjangkan ke Pusat Panggilan Bantuan Khas Kerajaan (BKK) HASiL atau Talian BUDI MOF bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja di talian berikut:

- (1) **Talian BUDI Individu (BKK HASiL):** 1-800-88-2747
- (2) **Talian BUDI Individu (MOF):** 03-8882 4565 atau 03-8882 4566.
- (3) **Alamat e-mel :** budimadani@treasury.gov.my